

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN
HAJI AHMAD [MERSING]**

TARIKH : 8.03.2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 50

Y.B Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Haji Ahmad [MERSING] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah rancangan atau pelan tindakan yang komprehensif bagi membantu IKS khususnya Bumiputera dalam menghadapi TPPA yang akan dilaksanakan pada tahun 2018 nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Ingin saya menjelaskan bahawa Perjanjian *Trans-Pacific Partnership* (TPPA) yang telah ditandatangani pada 4 Februari

2016 dan bakal dilaksanakan paling awal pada tahun 2018 tidak akan menjejaskan ekonomi PKS khususnya Bumiputera.

Perjanjian TPP ini telah mengambil kira kepentingan isu-isu khusus kepada Malaysia dengan memberikan fleksibiliti, tempoh transisi dan pengecualian di dalam hal-hal seperti hak Bumiputera, perolehan Kerajaan, syarikat milik Kerajaan dan sebagainya. Antara contoh pengecualian yang diperolehi termasuk:

- i) Dasar 30% *set-aside* khas untuk kontraktor Bumiputera dalam perolehan Kerajaan yang tertakluk kepada komitmen TPPA;
- ii) Kontrak di bawah nilai SDR63 juta (RM 315 juta) yang akan diturunkan ke SDR 14 juta (RM 70 juta) dalam tempoh 20 tahun tidak dibuka bawah tender sektor pembinaan;
- iii) Projek kerjasama awam-swasta dan luar bandar dikecualikan; dan
- iv) Bagi SOE, 40% daripada bajet tahunan boleh digunakan untuk perolehan secara keutamaan dari Bumiputera dan IKS.

Di samping itu, pengecualian obligasi daripada TPPA juga diberi kepada Kerajaan Negeri/tempatan. Ini termasuklah pengecualian

komitmen Negeri atas dasar pentadbiran tanah, perolehan Kerajaan Negeri, dan badan berkanun milikan Kerajaan Negeri yang mempunyai kaitan ke atas impak dasar Bumiputera.

Tuan Yang Di Pertua,

Pelbagai program dan pelan tindakan telah dirangka untuk membantu PKS meningkatkan keupayaan. Ini termasuklah membimbing PKS memahami kandungan di dalam perjanjian TPP bagi membolehkan PKS mendapat manfaat terutamanya mengenai penggunaan peraturan tempasal, jadual pengurangan tarif, fasilitasi kastam dan peraturan perkastaman dan **aduan-aduan yang boleh didaftarkan** jika PKS menghadapi masalah dalam aktiviti-aktiviti perniagaan atau perdagangan antarabangsa dengan negara-negara TPP.

Kerajaan akan turut menyediakan maklumat mengenai TPPA dan program-program yang dilaksanakan melalui laman web seperti program bina upaya dan latihan, skim pinjaman, khidmat nasihat, skim galakan eksport, insentif dan geran daripada sumber-sumber Kerajaan yang dapat membantu meningkatkan kapasiti dan produktiviti PKS.

Kerajaan juga akan menerbitkan "*booklet TPP*" bagi memberi penerangan yang lebih jelas berkaitan TPP. Selain itu, beberapa siri *outreach* akan diadakan sepanjang tahun 2016 bagi memberi penjelasan berhubung TPPA.